

THE TRANSFORMATION OF CASH WAQF THROUGH DIGITALISATION IN MALAYSIA: A PRELIMINARY ANALYSIS

TRANSFORMASI WAKAF TUNAI MELALUI PENDIGITALAN DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN AWAL

MOHAMAD ANIQ AIMAN ALIAS*

Fakulti Syariah dan Undang-Undang,

Universiti Sains Islam Malaysia,

71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

aniqalias@usim.edu.my

WAN ABDUL FATTAH WAN ISMAIL

Fakulti Syariah dan Undang-Undang,

Universiti Sains Islam Malaysia, 7

1800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

wanfattah@usim.edu.my

AHMAD SYUKRAN BAHARUDDIN

Fakulti Syariah dan Undang-Undang,

Universiti Sains Islam Malaysia,

71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ahmadsyukran@usim.edu.my

HASNIZAM HASHIM

Fakulti Syariah dan Undang-Undang,

Universiti Sains Islam Malaysia,

71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

hasnizam@usim.edu.my

TUAN MUHAMMAD FARIS TUAN IBRAHIM

Fakulti Sains dan Kemanusiaan,

Universiti Teknologi Malaysia (UTM),

81310, Skudai, Johor, Malaysia

tuan00@graduate.utm.my

*Corresponding author: aniqalias@usim.edu.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 9/4/2025; REVISED – 25/4/2025; ACCEPTED – 8/5/2025)

ABSTRACT

Waqf is one of the key institutions in Islam that plays a significant role in socio-economic development. Initially, *waqf* practice focused primarily on permanent immovable property such as land and buildings, which offer continuous benefits. Over time, however, cash *waqf* emerged as a more flexible and inclusive alternative. Cash *waqf* entails donating monetary assets that can be effectively utilized through strategic investment or management, making it highly relevant to current needs. The digital transformation of cash *waqf* has further expanded public access to this practice; nonetheless, several issues—such as limited public understanding, management challenges, and the need for Shariah-compliant investments—remain pressing obstacles. This article aims to elucidate the concept of cash *waqf*, evaluate its implementation through digitalisation, and identify challenges and opportunities for strengthening this institution. A qualitative approach was adopted, relying on document analysis; subsequently, the data was organised into subthemes. Findings indicate that digitalising cash *waqf*—illustrated by the Malaysian Cash *Waqt* System (SWTM)—has facilitated public participation and enhanced the transparency of *waqf* fund management. Additionally, integrating digital technology has enabled a more systematic and comprehensive distribution of *waqf* benefits. However, the success of this transformation depends on the collective efforts of all stakeholders, including the State Islamic Religious Councils (*Majlis Agama Islam Negeri*), Islamic financial institutions, and the public. As a recommendation, the administration of cash *waqf* must be reinforced through professional management, Sharia-compliant investments, and broad-based promotional activities to raise public awareness. Digitalisation should continue as a principal mechanism for ensuring the effectiveness of cash *waqf*, thereby positioning it as a critical instrument in advancing Islamic socio-economic development in Malaysia.

Keywords: Cash *waqf*, transformation, *waqf* digitalisation, socio-economic development, Malaysian Cash *Waqf* System (SWTM)

ABSTRAK

Wakaf merupakan salah satu institusi penting dalam Islam yang berperanan besar dalam pembangunan sosio-ekonomi umat. Pada awalnya, amalan wakaf lebih tertumpu pada harta tidak alih seperti tanah dan bangunan, yang bersifat kekal dan memberikan manfaat berterusan. Namun, dengan perkembangan zaman, konsep wakaf tunai telah diperkenalkan sebagai alternatif yang lebih fleksibel dan inklusif. Wakaf tunai melibatkan pemberian wang yang boleh dimanfaatkan melalui pelaburan atau pengurusan yang strategik, menjadikannya relevan dengan keperluan semasa. Transformasi wakaf tunai melalui pendigitalan turut memperluaskan akses masyarakat terhadap amalan ini, tetapi beberapa isu, termasuk kekurangan kefahaman masyarakat, aspek pengurusan, dan cabaran pelaburan patuh syariah, terus menjadi halangan. Artikel ini bertujuan untuk memperjelaskan konsep wakaf tunai, menilai kaedah pelaksanaannya melalui pendigitalan, serta mengenal pasti cabaran dan peluang dalam memperkasakan institusi ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis dokumen. Data-data yang diperoleh kemudiannya akan dipersembahkan dalam bentuk subtema. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendigitalan wakaf tunai, seperti melalui Sistem Wakaf Tunai Malaysia (SWTM), telah memudahkan proses penyertaan masyarakat dan meningkatkan ketelusan pengurusan dana wakaf. Selain itu, integrasi teknologi digital memungkinkan manfaat wakaf diaghikhkan secara lebih sistematik dan menyeluruh. Namun, kejayaan transformasi ini bergantung kepada usaha kolektif semua pihak, termasuk Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), institusi kewangan Islam, dan masyarakat umum. Sebagai cadangan, pelaksanaan wakaf tunai perlu diperkuatkan melalui pengurusan yang profesional, pelaburan yang patuh syariah, dan promosi yang menyeluruh bagi meningkatkan kesedaran masyarakat. Pendigitalan harus diteruskan sebagai alat utama dalam memastikan keberkesanan wakaf tunai, sekali gus menjadikannya instrumen penting dalam pembangunan sosio-ekonomi Islam di Malaysia.

Kata Kunci: Wakaf tunai, transformasi, pendigitalan wakaf, pembangunan sosio-ekonomi, Sistem Wakaf Tunai Malaysia (SWTM)

1. PENGENALAN

Wakaf tunai telah menjadi salah satu instrumen utama dalam sistem wakaf sejak zaman pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah, bermula dari era kegemilangannya sehingga kejatuhannya pada tahun 1924 (Othman, 2025). Berbeza dengan wakaf harta tidak alih seperti tanah atau bangunan, wakaf harta alih seperti wakaf tunai menawarkan fleksibiliti yang lebih besar kerana ia membolehkan masyarakat Islam menyumbang berdasarkan kemampuan kewangan masing-masing. Dalam konteks globalisasi dan pendigitalan hari ini, wakaf tunai telah mengalami perubahan ketara melalui integrasi teknologi digital, yang menjadikannya lebih mudah diakses dan diurus oleh masyarakat moden. Di Malaysia, pelaksanaan wakaf tunai disokong oleh fatwa yang jelas serta inisiatif kerajaan melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan agensi seperti Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) (Yayasan Waqaf Malaysia, t.th.). Walau bagaimanapun, pelaksanaan wakaf tunai masih menghadapi beberapa cabaran, terutamanya dalam aspek pengurusan dan promosi (Abd. Nasir & Abdul Halim, 2023), yang memerlukan usaha kolektif untuk memperkuatkan instrumen ini sebagai alat pembangunan sosio-ekonomi.

Walaupun wakaf tunai mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada pembangunan masyarakat, beberapa isu dan permasalahan telah dikenalpasti. Antaranya adalah kekurangan kefahaman masyarakat tentang konsep dan manfaat wakaf tunai, pengurusan yang kurang telus, serta kesedaran yang rendah mengenai kaedah penyertaan melalui platform digital. Selain itu, terdapat juga cabaran dalam memastikan pelaburan dana wakaf tunai dilakukan secara patuh syariah dan berkesan untuk menjana manfaat berterusan. Permasalahan ini bukan sahaja menjelaskan keberkesanan pelaksanaan wakaf tunai tetapi juga menghalang potensinya untuk dimanfaatkan secara optimum.

Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk memberikan tinjauan komprehensif mengenai transformasi wakaf tunai di Malaysia dengan memberi penekanan kepada lima aspek utama: (1) konsep wakaf menurut perundangan Islam, termasuk definisi, dalil pensyariatan, dan rukun-rukun; (2) konsep wakaf tunai; (3) objektif pelaksanaan wakaf tunai; (4) kaedah pelaksanaan wakaf tunai melalui pendigitalan di Malaysia; dan (5) cadangan pemerkasaan untuk meningkatkan keberkesanan dan impak wakaf tunai.

2. KONSEP WAKAF MENURUT PERUNDANGAN ISLAM: DEFINISI, DALIL PENSYARIATAN, DAN RUKUN-RUKUN

Definisi Wakaf

Wakaf berasal daripada perkataan Arab *waqafa* yang membawa maksud “berhenti” atau “menahan” (Ibnu Manzur, t.th.). Ia juga merujuk kepada pengekalan bentuk asal (*tahbis al-asl*) sesuatu harta untuk tujuan tertentu (Al-Sarakhsy, 1986). Contohnya, tanah wakaf sering digunakan untuk keperluan agama seperti kawasan perkuburan, pembinaan masjid, dan lain-lain.

Dari sudut istilah syarak, para ulama memberikan pelbagai definisi mengenai wakaf. Al-Zuhaili (1995) mentakrifkan wakaf sebagai menahan harta benda yang kekal zatnya (*'ainnya*) dan membenarkan manfaatnya digunakan untuk tujuan kebajikan, dengan manfaat tersebut diserahkan kepada tempat atau pihak yang ditentukan. Ulama dari pelbagai mazhab turut memberikan definisi yang melengkapi konsep wakaf ini. Menurut mazhab Maliki, wakaf adalah pemberian manfaat sesuatu aset yang dimiliki oleh pewakaf (*wakif*) sambil mengekalkan pemilikan terhadap aset tersebut (Al-Dusuqi, 1980). Mazhab Hanafi pula mendefinisikan wakaf sebagai menahan harta yang sah dan menyedekahkan manfaatnya untuk kebajikan (Al-Marghinani, t.th.). Sementara itu, mazhab Syafie mentakrifkan wakaf sebagai menahan harta daripada pewakaf untuk digunakan dalam perkara yang diharuskan atau untuk kebaikan (Al-Ramli, 1984). Fuqaha mazhab Hanbali pula memberi definisi yang hampir sama, iaitu pengekalan bentuk asal aset wakaf dan penyebaran manfaatnya dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT (Ibn Qudamah, 1972).

Berdasarkan pelbagai definisi di atas, dapat dirumuskan bahawa wakaf merupakan amalan menyerahkan sebahagian harta milik individu untuk dimanfaatkan oleh masyarakat, dengan niat mendekatkan diri kepada Allah SWT. Wakaf melibatkan pemutusan hak pemilikan pewakaf terhadap harta yang diwakafkan, di mana harta tersebut mestilah jelas pemilikannya, mampu memberikan manfaat yang berterusan, dan bersifat kekal secara fizikal.

Dalil Pensyariatan

Amalan wakaf telah disyariatkan dalam Islam sebagai salah satu bentuk pendekatan diri kepada Allah SWT. Pensyariatan ini berdasarkan dalil-dalil daripada Al-Qur'an dan hadis Rasulullah SAW, yang menyeru umat Islam untuk melakukan kebaikan yang memberikan manfaat kepada orang lain.

Walaupun istilah "wakaf" tidak disebut secara langsung dalam Al-Qur'an, terdapat ayat-ayat yang menganjurkan umat Islam untuk berinfak dan berlumba-lumba melakukan kebaikan. Sebagai contoh, dalam Surah Ali Imran, ayat 92, Allah SWT berfirman:

﴿لَن تَنْلُو الْبِرَّ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ﴾

Terjemahan: "Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai hakikat kebaikan yang sempurna sebelum kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi. Dan apa sahaja yang kamu dermakan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya".

(Surah Ali Imran: 92)

Dalam tafsirannya, Imam al-Baidawi menyatakan bahawa seseorang tidak akan mencapai hakikat kebaikan atau keredaan Allah SWT sehingga dia menginfakkan sesuatu yang paling disayanginya. Tafsiran ini diperkuatkan oleh kisah Abu Talhah yang mewakafkan kebun Bairuha' setelah mendengar ayat ini (Rujuk: Tafsir al-Baidawi, 2/28; Mughni al-Muhtaj ila Makrifah Maani Alfaz al-Minhaj, 3/522).

Selain itu, dalam Surah Al-Baqarah, ayat 267, Allah SWT menyeru orang-orang beriman untuk membelanjakan hasil usaha mereka yang terbaik di jalan Allah:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِّنَ الْأَرْضِ﴾

Terjemahan: "Wahai orang-orang yang beriman, belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian daripada apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu".

(Surah Al-Baqarah, 2:267)

Ayat ini menekankan kepentingan menggunakan rezeki untuk tujuan kebaikan dan manfaat kepada masyarakat, yang juga menjadi asas kepada konsep wakaf.

Dalil pensyariatan wakaf turut disokong oleh hadis Rasulullah SAW. Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar RA, Umar RA telah menerima sebidang tanah di Khaibar dan meminta nasihat Rasulullah SAW mengenai cara menguruskan tanah tersebut. Baginda bersabda:

إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَاهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا


Terjemahan: “*Jika kamu suka, tahanlah tanah itu (wakafkanlah tanah itu) dan kamu sedekahkan manfaatnya*”.

(Riwayat Muslim)

Hadis ini menunjukkan bahawa Umar RA menjadikan tanah tersebut sebagai wakaf dengan syarat ia tidak boleh dijual, diwarisi, atau dihadiahkan, manakala hasilnya disedekahkan kepada fakir miskin, kaum kerabat, dan golongan yang memerlukan. Imam Nawawi menjelaskan bahawa hadis ini menjadi asas kepada pensyariatan wakaf sebagai sedekah jariah yang terpuji dalam Islam (Rujuk: *Al-Minhaj fi Syarh Sahih Muslim ibn al-Hajjaj*, 11/86).

Rukun-rukun Wakaf

Para fuqaha telah menetapkan empat rukun utama dalam pelaksanaan wakaf (JAWHAR, 2009), iaitu:



Rajah 1: Rukun-rukun wakaf secara umum

Sumber: JAWHAR (2009)

Berdasarkan rajah 1 di atas, terdapat empat rukun utama dalam pelaksanaan wakaf, iaitu pewakaf (*al-waqif*), harta yang diwakafkan (*al-mauquf*), penerima wakaf (*al-mauquf alaih*), dan lafaz wakaf (*sighah*). Pewakaf merujuk kepada individu atau organisasi yang mewakafkan harta. Pewakaf mesti mempunyai hak penuh ke atas harta tersebut, termasuk pemilikan yang sah dan kebebasan untuk bertindak terhadap harta yang diwakafkan. Harta yang diwakafkan pula boleh terdiri daripada harta alih atau tidak alih, dengan syarat ia memberi manfaat dan bersifat kekal. Harta ini harus jelas, bernilai, dan mampu memberikan manfaat berterusan kepada penerima.

Penerima wakaf ialah pihak yang berhak menerima manfaat daripada wakaf, sama ada individu, kumpulan masyarakat, atau institusi. Manfaat tersebut perlu disalurkan kepada pihak yang memenuhi kriteria kebajikan yang ditetapkan oleh syariah, seperti fakir miskin, institusi pendidikan, atau keperluan infrastruktur keagamaan. Lafaz wakaf pula merujuk kepada pernyataan yang jelas dan tegas daripada pewakaf untuk menunjukkan niat mereka mewakafkan harta. Lafaz ini boleh dilakukan secara lisan, bertulis, atau melalui perbuatan yang jelas menunjukkan hasrat pewakaf.

Rukun-rukun ini memastikan bahawa pelaksanaan wakaf mematuhi prinsip-prinsip syariah dan memberikan manfaat yang berterusan kepada masyarakat. Sekiranya salah satu rukun ini tidak dipenuhi, amalan wakaf dianggap tidak sah (JAWHAR, 2006). Wakaf, dengan pensyariatan dan prinsip-prinsipnya, bukan sahaja merupakan manifestasi ketiaamanan kepada Allah SWT, tetapi juga berperanan sebagai instrumen penting dalam memperkuatkan pembangunan sosioekonomi umat Islam.

Konsep Wakaf Tunai

Secara asasnya, wakaf tunai merupakan salah satu produk baharu dalam perbaasan fiqh semasa (Muhamad Asni & Jasni, 2017). Ini kerana, pada awalnya, perbincangan mengenai wakaf lebih menumpukan kepada harta tak alih seperti tanah dan bangunan, yang sifat kekal dan manfaatnya dianggap lebih sesuai untuk tujuan wakaf (Maktabah AlBakri, 2024). Walau bagaimanapun, dengan perkembangan teknologi dan digitalisasi masa kini, harta alih seperti wang tunai telah dilihat berpotensi sebagai modal pusingan

yang berterusan dan mampu menjamin manfaat kekal, seterusnya membuka ruang baru dalam bidang ijтиhad.

Pada mulanya, para fuqaha berpendapat bahawa perwakafan harta alih tidak sah kerana ketiadaan sifat kekal serta kesukaran untuk menjamin ketahanan harta alih daripada kerosakan atau perubahan (Al-Zarqa, 1997). Namun, fuqaha yang memberi penekanan kepada manfaat kepada masyarakat umum menerima bahawa apa sahaja bentuk harta yang mampu memberikan manfaat berterusan boleh diterima sebagai wakaf, termasuk wakaf tunai. Wakaf tunai, yang menggunakan instrumen wang, memenuhi prinsip ini kerana ia bertujuan memberikan manfaat kepada masyarakat dan boleh diterima sebagai salah satu bentuk wakaf yang sah.

Prinsip utama wakaf tunai ialah pembekuan sejumlah wang tunai secara kekal, di mana manfaatnya digunakan untuk kebaikan umum (Abdul Rahim, 2016). Dalam amalan, wakaf tunai sering melibatkan penukaran wang tunai kepada bentuk lain seperti saham syarikat, takaful, atau aset korporat. Matlamat utama konsep ini adalah untuk mengekalkan dan mengembangkan manfaatnya agar dapat dinikmati secara berterusan oleh masyarakat (Muhamad Asni & Jasni, 2017). Hal ini dicapai melalui pelaburan strategik, yang bukan sahaja memastikan pertumbuhan nilai wakaf tetapi juga mengurangkan risiko penurunan nilai akibat inflasi atau ketidaktentuan ekonomi.

Berbeza dengan wakaf harta tidak alih seperti tanah dan bangunan, wang tunai sebagai harta alih berisiko mengalami susut nilai. Namun, penukaran wang tunai kepada aset kekal atau pelaburan yang strategik memungkinkan manfaat berterusan kepada penerima wakaf. Manfaat ini amat penting dalam membantu umat Islam yang kurang berkemampuan, terutamanya dalam bidang pendidikan, keperluan hidup, dan urusan harian.

Menurut Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR, 2009), wakaf tunai ditakrifkan sebagai pemberian wang tunai kepada pemegang amanah wakaf, di mana modal tersebut dikekalkan untuk kepentingan penerima wakaf (*mauquf alaih*). Manfaat daripada wang tersebut digunakan untuk pelbagai tujuan kebaikan dan pembangunan ummah. Para fuqaha salaf merujuk konsep ini sebagai *waqf al-darahim waqf al-dananir*, di mana wang yang dikumpulkan akan ditukarkan kepada harta kekal yang dikenali sebagai

badal. Manfaat yang terhasil daripada wakaf ini kemudiannya dimanfaatkan untuk kebajikan masyarakat secara keseluruhan (JAWHAR, 2009).

3. OBJEKTIF PELAKSANAAN WAKAF TUNAI

Pelaksanaan wakaf tunai bertujuan untuk menghidupkan semula amalan berwakaf, yang merupakan salah satu bentuk sedekah jariah yang sangat digalakkan dalam Islam. Wakaf tunai menyediakan pilihan alternatif yang lebih mudah bagi umat Islam untuk menyertai ibadah wakaf tanpa perlu memiliki harta atau aset kekal. Dengan melibatkan wang tunai, umat Islam dari pelbagai latar belakang dan kemampuan ekonomi dapat menyumbang kepada kebajikan dan memperoleh ganjaran pahala berterusan. Pendekatan ini membuka peluang yang lebih luas kepada masyarakat untuk turut serta dalam memanfaatkan sistem wakaf, yang telah menjadi sebahagian daripada tradisi dan warisan Islam sejak sekian lama (MAIDAM, t.th.).

Objektif lain pelaksanaan wakaf tunai adalah untuk menggalakkan umat Islam melihat wakaf sebagai satu sistem yang berpotensi besar dalam mengerakkan pembangunan sosio-ekonomi ummah. Wakaf tunai bukan sahaja membantu menyediakan dana untuk projek-projek keagamaan dan kebajikan, tetapi juga menyokong pembangunan infrastruktur, pendidikan, dan penjagaan kesihatan yang memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan. Dengan strategi ini, wakaf tunai dapat menjadi alat yang penting dalam memastikan kelangsungan pembangunan yang mampan dan inklusif.

Selain itu, wakaf tunai bertujuan untuk memperluaskan skop pembangunan harta-harta wakaf dan sosio-ekonomi ummah. Dana wakaf tunai yang terkumpul boleh digunakan untuk memajukan tanah wakaf sedia ada, membangunkan aset baharu, atau melabur dalam projek-projek strategik yang memberi manfaat jangka panjang. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan manfaat berterusan kepada penerima wakaf tetapi juga memperkasakan ekonomi umat Islam secara kolektif. Dengan pelaksanaan yang telus dan profesional serta integrasi teknologi digital (Alias et al., 2024), wakaf tunai dapat berfungsi sebagai instrumen utama dalam memperkuatkan pembangunan sosio-ekonomi Islam di Malaysia.

4. KAE DAH PELAKSANAAN WAKAF TUNAI MELALUI PENDIGITALAN: TINJAUAN PELAKSANAANNYA DI MALAYSIA

Di Malaysia, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam kali ke-77 telah memutuskan bahawa pelaksanaan wakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan dalam Islam. Wakaf tunai merujuk kepada sumbangan wang yang disalurkan melalui pelbagai platform, termasuk sistem digital. Wang yang dikumpulkan ini digunakan untuk pelbagai tujuan kebaikan seperti pembinaan masjid, sekolah, hospital, dan projek pembangunan masyarakat. Dalam pelaksanaannya, wakaf tunai melalui pendigitalan memerlukan pengesahan yang jelas daripada pewakaf, penerima manfaat, dan pihak berkuasa agama bagi memastikan pengurusan yang telus dan berkesan.

Secara umumnya, pelaksanaan wakaf tunai bertujuan untuk memperkuatkan pembangunan sosio-ekonomi umat Islam dan memberikan peluang kepada masyarakat untuk menyertai amalan wakaf mengikut kemampuan masing-masing. Pada tahun 2009, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah menggariskan prosedur pelaksanaan wakaf tunai yang perlu dipatuhi oleh setiap Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) (JAWHAR, 2009). Salah satu langkah yang ditetapkan ialah pembukaan akaun amanah khusus bagi wakaf tunai di institusi perbankan yang diiktiraf.

Untuk memudahkan penjawat awam Persekutuan dan Negeri menyumbang kepada wakaf tunai, MAIN disarankan mendapatkan kod potongan gaji daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bagi penjawat awam Persekutuan atau daripada Bendahari Negeri bagi penjawat awam Negeri (Bernama, 2021). Sementara itu, bagi kakitangan sektor swasta, MAIN perlu mendapatkan kelulusan potongan gaji di bawah Seksyen 24(2)(e), Akta Kerja 1955 daripada Jabatan Tenaga Kerja (JAWHAR, 2009).

Bagi menggalakkan lebih ramai umat Islam menyumbang melalui wakaf tunai, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) disarankan untuk mendapatkan kelulusan pengecualian cukai terkini di bawah peruntukan Seksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53). Langkah ini mampu meningkatkan insentif kewangan kepada penderma, sekali gus memperkuatkan kutipan dana wakaf.

Selain itu, kerjasama strategik antara MAIN dan institusi perbankan Islam juga amat digalakkan. Kolaborasi ini bertujuan untuk mempermudah penyertaan masyarakat dalam inisiatif wakaf tunai secara sistematik dan mesra pengguna. Antara bidang kerjasama yang boleh diteroka termasuk:

Perbankan Internet	• Mempermudah transaksi wakaf secara dalam talian
Arahan Tetap <i>(Standing Instruction)</i>	• Membolehkan sumbangan berkala melalui pemotongan automatik daripada akaun pewakaf
Mesin Deposit Tunai (<i>Cash Deposit Machine</i>)	• Menyediakan kemudahan deposit tunai secara langsung
Promosi kepada pemegang akaun	• Meningkatkan kesedaran masyarakat melalui kampen yang tersusun

Rajah 2: Bidang kerjasama yang dicadangkan dengan institusi perbankan Islam

Bagi memastikan pengurusan yang telus dan meningkatkan keyakinan masyarakat, MAIN disarankan memberikan kuasa bertulis kepada pegawai atau individu yang bertanggungjawab untuk menerima sumbangan wakaf tunai. Selain itu, dokumen penting seperti resit rasmi, borang penyertaan, borang kebenaran potongan gaji bulanan, penyata penerimaan wakaf, dan sijil wakaf tunai perlu disediakan.

Dana yang dikumpulkan melalui kaedah ini disalurkan kepada pelbagai projek pembangunan seperti:

- i. Memajukan tanah wakaf sedia ada;
- ii. Membeli atau membangunkan aset kekal;
- iii. Pembinaan bangunan seperti sekolah, kedai, dan pejabat;
- iv. Pembangunan dalam sektor perladangan, penternakan, dan perkilangan.

Wakaf tunai merupakan satu bentuk sumbangan yang membolehkan umat Islam dari pelbagai latar belakang menyumbang kepada kebajikan. Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah melancarkan Sistem Wakaf Tunai Malaysia

(SWTM) pada Jun 2013, yang menyediakan kemudahan pembayaran wakaf melalui e-pembayaran dan potongan gaji dalam talian. Pewakaf boleh memuat turun senarai transaksi mereka secara langsung melalui sistem ini, yang memudahkan proses pengurusan wakaf. Antara kemudahan yang disediakan oleh SWTM adalah ditunjukkan dalam Rajah 3 di bawah:



Rajah 3: kemudahan yang disediakan oleh Sistem Wakaf Tunai Malaysia (SWTM) melalui pendigitalan

Melalui langkah-langkah ini, wakaf tunai dapat dimanfaatkan sebagai instrumen yang lebih efektif dalam meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi umat Islam di Malaysia. Pendekatan digital yang diterapkan memastikan akses yang lebih meluas, pengurusan yang lebih sistematik, dan keberkesaan dalam mencapai matlamat wakaf tunai.

5. CADANGAN PEMERKASAAN

Bagi memastikan pelaksanaan wakaf tunai di Malaysia mencapai tahap keberkesaan maksimum, pengurusan yang telus dan profesional menjadi elemen utama yang perlu diberi perhatian. Pengurusan yang cekap memastikan dana wakaf tunai digunakan secara optimum, bebas daripada unsur penyelewengan, dan sejajar dengan matlamat asal pewakaf. Selain itu, pelaksanaan yang berkesan memerlukan kawalan dalaman yang kukuh, termasuk dokumentasi lengkap dan pemantauan rapi terhadap setiap transaksi. Pendekatan ini bukan sahaja dapat meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap amalan wakaf tetapi juga mendorong lebih banyak penyertaan.

Seterusnya, dana wakaftunai perlu dilaburkan dalam instrumen kewangan yang patuh syariah bagi mengekalkan nilai dan menjana manfaat jangka panjang. Pelaburan ini adalah langkah penting untuk memastikan dana tersebut terus berkembang dan memberikan manfaat berterusan kepada penerima manfaat.

Walau bagaimanapun, pelaburan ini perlu dilaksanakan dengan berhati-hati dan mematuhi prinsip syariah yang ketat bagi mengelakkan risiko kerugian atau ketidaktentuan ekonomi. Di samping itu, agihan manfaat wakaf harus dilakukan secara adil dengan memberi keutamaan kepada golongan yang benar-benar memerlukan, termasuk fakir miskin, institusi pendidikan, dan pembangunan infrastruktur keagamaan.

Selain itu, promosi dan kesedaran merupakan aspek penting dalam memperkasakan wakaf tunai. Program kesedaran yang menyeluruh dapat membantu meningkatkan pemahaman masyarakat tentang kepentingan wakaf tunai sebagai instrumen pembangunan sosio-ekonomi. Dengan memanfaatkan pelbagai platform komunikasi, termasuk media sosial, laman sesawang, dan kerjasama dengan institusi perbankan Islam, potensi wakaf tunai dapat dimaksimumkan. Promosi yang berkesan juga berupaya menarik minat generasi muda untuk turut serta dalam amalan ini, sekali gus memastikan kesinambungan dan impak positif wakaf tunai dalam masyarakat Malaysia.

Akhir sekali, pembangunan kapasiti sumber manusia dalam pengurusan wakaf tunai perlu diberikan keutamaan. Latihan berterusan kepada pegawai-pegawai MAIN dan pengurus wakaf mengenai aspek pengurusan kewangan Islam, pematuhan syariah, pelaburan beretika, serta teknologi kewangan (fintech) adalah penting bagi memastikan pengurusan wakaf berada pada tahap profesionalisme yang tinggi. Dengan adanya pegawai yang kompeten dan berpengetahuan luas, proses pentadbiran wakaf dapat dilaksanakan dengan lebih efisien, telus, dan responsif terhadap cabaran semasa. Latihan ini juga membantu memperkuuh integriti institusi pengurus wakaf, sekali gus meningkatkan keyakinan masyarakat untuk terus menyumbang dalam bentuk wakaf tunai.

6. KESIMPULAN

Transformasi wakaf tunai melalui pendigitalan di Malaysia merupakan satu langkah signifikan dalam memperkasakan sistem wakaf sebagai instrumen pembangunan sosio-ekonomi umat Islam. Pendekatan ini membuka peluang yang lebih inklusif kepada masyarakat, terutamanya melalui inovasi seperti wakaf digital dan Sistem Wakaf Tunai Malaysia

(SWTM), yang mempermudah proses penyertaan wakaf secara elektronik. Dengan adanya pengurusan yang telus, pelaburan yang patuh syariah, agihan yang saksama, serta usaha promosi yang berterusan, wakaf tunai memiliki potensi untuk menjadi pemacu utama dalam memperluaskan skop pembangunan harta wakaf dan projek kebaikan yang lebih dinamik dan bersepadu.

Namun begitu, kejayaan transformasi ini memerlukan kerjasama erat dari semua pihak, termasuk Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), institusi kewangan Islam, dan masyarakat umum. Pendigitalan bukan sahaja mempercepatkan proses pelaksanaan wakaf tunai tetapi juga memastikan ia kekal relevan dalam era teknologi moden. Oleh itu, integrasi antara amalan tradisional wakaf dan teknologi digital adalah kunci kepada keberhasilan transformasi ini, sekali gus mewujudkan impak yang mampan kepada pembangunan sosio-ekonomi umat Islam di Malaysia.

7. PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas sokongan ilmiah sepanjang proses penulisan dan penyelidikan ini dijalankan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) atas kerjasama dan peluang kolaboratif yang diberikan, khususnya dalam perbincangan ilmiah serta pandangan pakar yang sangat bernilai.

8. RUJUKAN

- Al-Quran.
- Abd. Nasir, S. N., & Abdul Halim, H. (2023). Wakaf tunai: Sejarah, amalan dan cabaran masa kini. *JAWHAR*, 7(2), 11-16.
- Abdul Rahim, A. K. (2016). *Wakaf tunai: Justifikasi fiqh semasa dan perlaksanaannya di Malaysia*. In the Proceeding of Seminar Muamalat Milenia (pp. 1-14).
- AI-Zuhayli. W. (1995). *Fiqh al-Islami wa adillatuh*. Syria: Dar al-Fikr.
- Al-Dusuqi. (1980). *Hasyiyah al-dusuqi ‘ala syarhal-kabir*. Kaherah: Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyyah.
- Alias, M. A. A., Mohd Jailani, M. R., Wan Ismail, W. A. F., & Baharuddin, A. S. (2024). The integration of five main goals of shariah in the production of science and technology for human well-being. *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 5(1), 1–16. <https://doi.org/10.55265/al-maqasid.v5i1.79>
- Al-Marginani. (t.th.). *Al-hidayahsyarh bidayah al-mubtadi*. Kaherah: Maktabah wa Matbaah Mustafa al-Babi al-Halabi waAwladuhu.
- Al-Ramli. (1984). *Nihayat al-muhtaj ila syarh al-minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Sarakhsi. (1986). *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Al-Zarqa, M. A. (1997). *Ahkam al-awqaf*. Amman: Dar ‘Ammar.
- Bernama. (2021, April 13). “Penjawat awam digalak berwakaf secara berkala melalui potongan gaji”. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1951676>
- Ibn Qudamah. (1972). *Al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Ibnu Manzur. (t.th.). *Lisan al-arab*. Beirut: al-Maktabah al-Markaziyyah.
- Jabatan Wakaf, zakat dan haji (JAWHAR). (2006). Manual pengurusan tanah wakaf. Putrajaya. JAWHAR.
- Jabatan Wakaf, zakat dan haji (JAWHAR). (2009). Manual pengurusan wakaf tunai. Putrajaya: JAWHAR.
- MAIDAM. (t.th.). “*Pengenalan wakaf tunai*”. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. <https://wakaf.maidam.gov.my/pengenalan-wakaf-tunai?>
- Maktabah AlBakri. (2024, Januari 26). “*Harta wakaf yang boleh alih dan tidak*”. <https://maktabahalbakri.com/5298-harta-wakaf-yang-boleh-alih-dan-tidak/>

- Muhamad Asni, F. H., & Jasni, S. (2017). Wakaf tunai dan aplikasinya dalam undang-undang di negara asean. *Jurnal Syariah*, 25(2), 217-246.
- Razali, O., & Rohayu, A. G. (2011). Sektor Ijtimai: Ke arah pemantapan sosio-ekonomi ummah. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 5(1), 99-130.
- Yayasan Waqaf Malaysia. (t.th.). “Sistem wakaf tunai Malaysia”. <https://www.ywm.gov.my/kaedah-berwakaf>